

Mesej Tiga  
**Memelihara Kepercayaan**

Bacaan Bible: 2 Tim. 4:7c; 1 Tim. 1:19; 3:9; 4:1; 6:12; 1 Tes. 3:2; Yud. 3

**I. Dalam Wasiat Baru, kepercayaan adalah objektif dan juga subjektif:**

- A. Kepercayaan objektif merujuk kepada subjek kepercayaan kita, iaitu perkara yang kita percayai; kepercayaan objektif ini merangkumi isi kandungan ekonomi Wasiat Baru Tuhan—Ef. 4:13; 2 Tim. 4:7c:
  - 1. *Kepercayaan* dalam Efesus 4:13 bukan kepercayaan yang berdasarkan tindakan percaya tetapi kepercayaan objektif.
  - 2. Butir-butir dalam kepercayaan objektif hanya merangkumi butir-butir yang berkaitan dengan penyelamatan kita—dengan kata lain, hanya butir-butir yang berkaitan dengan persona dan kerja Kristus—Yoh. 3:16; 1:18; 1 Yoh. 4:9.
- B. Kepercayaan subjektif berkaitan dengan tindakan kita percaya—Yoh. 3:15-16:
  - 1. Menurut makna ini, mempunyai kepercayaan dalam Tuan bererti percaya kepada-Nya.
  - 2. Semua percayawan sejati dalam Kristus adalah satu kerana mempunyai kepercayaan yang berkaitan dengan Kristus.
- C. Dalam 1 Tesalonika 3:2, kepercayaan bukan sahaja subjektif, merujuk kepada tindakan pekudus percaya, seperti dalam ayat 5, 6, dan 10, tetapi juga objektif, merujuk kepada apa yang kita percayai, seperti dalam 1 Timotius 3:9; 4:1; dan 2 Timotius 4:7:
  - 1. Dua aspek kepercayaan ini saling berkaitan.
  - 2. Kepercayaan kita (kepercayaan subjektif) adalah daripada perkara yang kita percaya dan dalam perkara yang kita percaya (kepercayaan objektif).

**II. “Aku telah memelihara kepercayaan”—ay. 7c:**

- A. *Kepercayaan* di sini adalah objektif.
- B. Perkataan *kepercayaan* dalam ayat ini mengimplikasikan kita mempercayai Kristus, mengambil persona-Nya dan kerja penebusan-Nya sebagai objek kepercayaan kita—1 Tim. 1:19; Gal. 1:23.
- C. Memelihara kepercayaan adalah memelihara seluruh ekonomi Wasiat Baru Tuhan—kepercayaan tentang Kristus sebagai perjasadan Tuhan dan misteri Tuhan serta gereja sebagai Tubuh Kristus dan misteri Kristus—1 Tim. 1:4.

**III. Satu Timotius 6:12a berkata, “Perjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan”:**

- A. Berjuang bagi kepercayaan bererti berjuang untuk ekonomi Wasiat Baru Tuhan.
- B. Memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan adalah berjuang untuk isi kandungan bagi injil lengkap menurut ekonomi Wasiat Baru Tuhan—Ef. 1:9-10; 1 Tim. 1:4.
- C. Disebabkan ajaran yang berlainan, gereja telah jatuh dan menyimpang daripada kepercayaan—ay. 3.
- D. Paulus mengarahkan Timotius untuk berjuang menentang penyimpangan daripada kepercayaan, iaitu memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan—6:12a.

**IV. Dalam 1 Timotius 6:12b Paulus seterusnya berkata, “Berpeganglah pada hayat abadi; ke dalam hayat abadi ini kamu telah dipanggil”:**

- A. Untuk memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan dalam kehidupan orang Kristian, kita perlu berpegang pada hayat ini—h hayat abadi, hayat divin—and tidak yakin akan hayat insani—ay. 12b.
- B. Kita memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan bukan sahaja secara objektif tetapi juga secara subjektif dengan berpegang pada hayat abadi—ay. 12b.

C. Kita perlu berpegang pada hayat abadi, barulah kita dapat memperjuangkan perjuangan baik bagi kepercayaan—ay. 12.

**V. Kehidupan orang Kristian yang wajar merangkumi memelihara kepercayaan untuk berbahagian dalam kekayaan divin dalam ekonomi Tuhan—1:19; 3:9; 4:1; 6:12; Tit. 1:4; Yud. 3:**

- A. Ekonomi Tuhan adalah dalam kepercayaan, iaitu bermula dan berkembang dalam lingkungan dan elemen kepercayaan—1 Tim. 1:4.
- B. Ekonomi Tuhan yang bertujuan mendispenkan diri-Nya ke dalam umat pilihan-Nya, bukanlah dalam alam alamiah atau dalam kerja hukum, tetapi dalam lingkungan rohani ciptaan baru menerusi kelahiruan melalui kepercayaan kepada Kristus—2 Kor. 5:17; Gal. 3:23-26.
- C. Dengan percaya, kita dilahirkan daripada Tuhan untuk menjadi anak-Nya, berbahagian dalam hayat dan sifat-Nya untuk mengekspresikan-Nya — Yoh. 1:12-13:
  1. Dengan percaya, kita diletakkan ke dalam Kristus untuk menjadi anggota-anggota Tubuh, berkongsi dalam segala apanya Dia agar Dia dapat diekspresikan—Roma 12:4-5.
  2. Inilah rancangan Tuhan yang dilaksanakan dalam kepercayaan menurut ekonomi Wasiat Baru Tuhan.

**VI. Kita perlu berpegang pada misteri kepercayaan dalam zimah yang suci—1 Tim. 3:9:**

- A. Kepercayaan merujuk kepada perkara-perkara yang kita percayai, yakni perkara-perkara yang membentuk injil—Roma 1:1, 3-4.
- B. Misteri kepercayaan terutamanya ialah Kristus sebagai misteri Tuhan dan gereja sebagai misteri Kristus—Kol. 2:2; Ef. 3:4.
- C. Untuk berpegang pada misteri kepercayaan, kita harus mempunyai zimah yang suci, yakni zimah yang disucikan daripada sebarang campur aduk—1 Tim. 3:9; 1:19.

**VII. Yudas berkata dalam Suratnya, “Aku berasa perlu menulis kepadamu dan menasihati kamu agar berjuang dengan bersungguh-sungguh untuk kepercayaan yang telah disampaikan sekali buat selama-lamanya kepada pekudus”—ay. 3b:**

- A. *Kepercayaan* dalam ayat ini bukan subjektif, sebaliknya objektif.
- B. Perkataan *kepercayaan* di sini bukan merujuk kepada tindakan kita percaya tetapi merujuk kepada kepercayaan kita, iaitu apa yang kita percayai.
- C. Kepercayaan dalam Yudas 3 menunjukkan isi kandungan Wasiat Baru sebagai kepercayaan kita; kita percaya, maka kita akan beroleh penyelamatan yang kita nikmati bersama—Kis. 6:7; 1 Tim. 1:19; 3:9; 4:1; 5:8; 6:10, 21; 2 Tim. 3:8; 4:7; Tit. 1:13.
- D. Kepercayaan ini, bukannya mana-mana doktrin, telah disampaikan sekali buat selama-lamanya kepada pekudus.
- E. Untuk kepercayaan ini, kita harus berjuang—1 Tim. 6:12.

**VIII. Kita semua perlu “sampai ke tahap kesatuan kepercayaan”—Ef. 4:13a:**

- A. Kepercayaan yang disebut dalam frasa ini ialah kepercayaan objektif.
- B. Kesatuan kepercayaan bergantung pada pengetahuan penuh terhadap Anak Tuhan—ay. 13.
- C. Hanya apabila kita mengambil Kristus sebagai pusat dan kita berfokus pada Dia, kita dapat sampai ke tahap kesatuan kepercayaan.